



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
16 SEPTEMBER 2018 (AHAD)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- | | |
|----------------------------------|----|
| - Penduduk mohon dewan serbaguna | 21 |
|----------------------------------|----|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
16 SEPTEMBER 2018 (AHAD)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Penduduk mohon dewan serbaguna
Muka Surat	21

Penduduk mohon dewan serbaguna

AMPANG- Penduduk di kawasan perumahan Pandan Indah Fasa 4, di sini berharap Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dapat membina sebuah dewan serbaguna untuk keperluan masyarakat di kawasan itu.

Pengerusi Pertubuhan 5K Komuniti Pandan, R Sivaneswaran berkata, pembinaan dewan itu dapat memupuk semangat perpaduan dan kejiranian, selain digunakan sebagai pusat untuk melaksanakan perkhidmatan kerajaan.

"Penduduk amat berharap MPAJ dapat menyediakan sebuah dewan serbaguna yang lebih besar dan selesa bagi merancakkan lagi aktiviti kemasyarakatan di kawasan perumahan itu," katanya.

Beliau berkata, hasrat penduduk itu telah disampaikan ketika sesi suai kenal penduduk bersama Adun Pandan Indah, Ir Izham Hashim dengan MPAJ, Polis dan Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Dalam perkembangan berasingan Sivaneswaran memaklumkan polis turut



Sivaneswaran (berdiri belakang, tiga kanan) bersama penduduk dan ahli Pertubuhan 5K Komuniti Pandan.

SHT 16/9/18 N/S21

menggalakkan penduduk mewujudkan komuniti berpagar di kawasan perumahan itu bagi mengurangkan kadar jenayah.

Sementara itu, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Abd Hamid Hussain berkata, pihaknya juga mempunyai kekangan peruntukan untuk membina sebuah dewan serbaguna.

"Saya difahamkan setakat ini belum ada tapak sesuai untuk bina dewan, namun

kita akan cuba dapatkan kemudahan bersesuaian untuk dibangunkan di kawasan tersebut," katanya.

Abd Hamid berkata, penduduk perlu mendapatkan sokongan 70 peratus untuk melaksanakan komuniti berpagar.

"Sistem kawalan keselamatan secara berpagar itu perlu mendapatkan sokongan majoriti penduduk, kita akan mempertimbangkan untuk meluluskan cadangan tersebut," katanya.

